

Nasihat PM

BH 11 DEC 1990

kepada akhbar

KUALA LUMPUR, Isnin — Akhbar di negara ini diingatkan supaya jangan menggunakan sepenuhnya kuasa yang diberikan kepada mereka untuk membentuk pemikiran rakyat dengan anasir yang boleh menjejaskan kestabilan, keamanan dan kemajuan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata jika akhbar tidak suka kerajaan menggunakan kuasa mutlaknya untuk mengawal pemberitaan, pada masa yang sama akhbar juga tidak sepatutnya menyalahgunakan kebebasan yang diberikan.

Bellau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Antarabangsa Suratkhbar Cina ke-23, yang dihadiri sembilan negara, termasuk Amerika Syarikat, Kanada, Hong Kong dan Filipina di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, memanglah tidak adil bagi sesiapa

pun menyekat kebebasan akhbar, sebaliknya akhbar mesti bebas mengkritik kerajaan bagi memastikan kerajaan tidak menyalahgunakan kuasa.

"Tetapi, jika akhbar tidak suka kerajaan menyalahgunakan kuasa, maka akhbar juga tidak patut menggunakan sepenuhnya kuasa yang ada pada mereka untuk membentuk pemikiran umum dengan anasir tidak sihat," katanya.

Menurutnya, rakyat pelbagai kaum di negara ini hidup lebih harmoni berbanding negara lain dan salah satu faktor yang membawa kepada tolak ansur antara kaum itu ialah kewujudan akhbar dalam pelbagai bahasa.

Perdana Menteri berkata, memang dengan adanya sejumlah besar suratkhbar dan majalah bermakna kerajaan mengamalkan dasar liberal terhadap akhbar.